

'Prosumer' belia mampu pacu industri halal negara

Oleh [Dr Umi Hamidaton Mohd Soffian Lee](#) - Februari 18, 2022 @ 11:00am
bhrencana@bh.com.my

Kerajaan sentiasa melihat belia sebagai satu golongan penting dalam pembangunan masyarakat dan negara. Pelbagai inisiatif direncanakan untuk menyerlahkan potensi golongan ini dalam pelbagai bidang misalnya membabitkan diri sebagai pengeluar yang berpotensi menjana pendapatan untuk diri sendiri, keluarga dan negara.

Pada 2020, statistik Jabatan Perangkaan dan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia (IYRES) menyatakan belia berusia antara 15 hingga 30 tahun akan mencecah lebih sembilan juta orang.

Jumlah ini bakal memberi impak besar kepada sesuatu bidang jika keupayaan, kreativiti dan idea mereka berjaya dimanfaatkan sebaiknya.

Antara yang boleh diketengahkan ialah pembabitan golongan berpotensi ini dalam industri halal selaras dengan Pelan Induk Industri Halal 2030 (HIMP 2030) yang memerlukan individu bukan saja sebagai pengguna tetapi turut menjadi pengeluar.

Bagaimanapun, tidak semua pengguna mampu menjadi pengeluar kerana ia membabitkan modal besar. Namun, ia boleh bermula secara kecil-kecilan sebelum dikembangkan kepada skala lebih besar.

Sejak COVID-19 melanda negara, individu yang terbabit sebagai pengeluar swaguna (*prosumer*) dilihat bercambah seperti 'cendawan selepas hujan' kerana ia antara alternatif menjana pendapatan dan bangkit daripada kemelut sosioekonomi mendepani fasa endemik.

Secara dasarnya industri halal tidak hanya tertumpu kepada produk makanan dan minuman semata-mata, namun ia termasuk perkhidmatan seperti kewangan, logistik, pelancongan, kosmetik dan farmaseutikal.

Kepelbagaian dan variasi produk bergantung kepada idea dan inovasi dijana pengguna kerana mereka penyumbang terbesar untuk permintaan terhadap produk yang ditawarkan dalam pasaran.

Pada 2019, eksport produk halal bernilai RM40.2 bilion atau 4.1 peratus bagi keseluruhan eksport negara berjumlah RM986.4 bilion. Unjuran ini menunjukkan industri halal mempunyai potensi besar untuk mendorong penyertaan belia bukan saja sebagai pengguna, tetapi pengeluar.

Dalam konteks ini, mereka mempunyai tiga pilihan iaitu, pertama, sebagai pengusaha dan pengeluar produk halal. Kedua sebagai pemasar dan penjual produk serta ketiga sebagai *prosumer* produk halal.

Selain itu, *prosumer* belia boleh menjana pendapatan lumayan melalui jaringan kerjasama dengan rakan industri bagi tujuan promosi produk dikeluarkan dalam skala kecil atau sederhana.

Pembabitan *prosumer* dalam kalangan belia bakal menjadi tulang belakang kepada pertumbuhan pesat saiz pasaran industri halal negara untuk menembusi pasaran antarabangsa di negara Jepun, Kazakhstan, China, Indonesia dan Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Tambahan pula kesedaran dan kepercayaan menggunakan produk halal dalam kalangan masyarakat Islam dan bukan Islam semakin meningkat dan ia mewujudkan prospek sangat besar untuk Malaysia.

Prosumer belia di negara ini boleh mendapatkan bantuan dan sokongan daripada institusi kewangan Islam untuk memohon dana dan institusi ini menawarkan perantaraan kredit menjangkau asas perbankan.

Pada 2018 hanya 21.9 peratus syarikat yang halal Malaysia menggunakan bantuan dana kewangan Islam namun pada 2020 menyaksikan pertumbuhan sebanyak dua kali ganda yang berjumlah RM63 bilion.

Belia antara golongan yang paling aktif menggunakan teknologi dan Malaysia merekodkan 28 juta pengguna media sosial atau 86 peratus daripada jumlah penduduk di negara ini.

Belia yang terbabit sebagai *prosumer* boleh menjana pendapatan dalam talian dengan menggunakan aplikasi seperti Facebook, Twitter, Tik Tok, Telegram dan Instagram untuk tujuan promosi produk dihasilkan.

Kaedah ini membantu golongan *prosumer* belia membina hubungan bersama rakan dagang memandangkan 42 peratus daripada populasi Muslim global datangnya dari negara ASEAN, selain Jepun, Korea dan Vietnam.

Fenomena ini membuka potensi untuk pasaran produk makanan halal terus berkembang dan memberi akses kepada pasaran baharu dengan lebih pantas dan cepat.

Penulis adalah Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi & Muamalat (USIM)